

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- a) asas kriteria dalam memilih seorang Pengurus Lembaga Pelabuhan dan sejauh manakah peranan mereka dalam membanteras kegiatan ekonomi gelap seperti penyeludupan di pelabuhan; dan
- b) berapa bilangan operasi kegiatan membanteras ekonomi gelap yang berjaya dijalankan sepanjang tahun 2019 sehingga 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia mempunyai tujuh (7) Pelabuhan Persekutuan Utama iaitu Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Bintulu. Selain daripada Pelabuhan Bintulu, pelabuhan di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masing.
2. Untuk enam Pelabuhan Persekutuan Utama di Semenanjung Malaysia, pelantikan seseorang pengurus lembaga pelabuhan adalah kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963 ('Akta 488') dan Seksyen 5 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 ('Akta 140'). Untuk Pelabuhan Bintulu pula, kuasa pelantikan pengurus lembaga pelabuhan adalah kuasa Menteri tertakluk kepada Seksyen 4 Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.
3. Kementerian Pengangkutan mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk memastikan tatacara pelantikan seseorang Pengurus, Timbalan Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) termasuk semua Pihak Berkuasa Pelabuhan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah sentiasa teratur. Secara amnya, seseorang Pengurus Pihak Berkuasa Pelabuhan hendaklah mempunyai rekod kepimpinan yang cemerlang di sektor awam, berpengalaman dalam bidang berkenaan selain kelayakan akademik di peringkat ijazah. Sebagai sebahagian daripada SOP pelantikan, semua calon perlu melalui tapisan berdasarkan perakuan Jawatankuasa Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan semakan kebankrapan berdasarkan rekod semasa Jabatan Insolvensi Malaysia.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan amat memandang serius terhadap tuduhan kegiatan ekonomi gelap termasuk penyeludupan yang berlaku di pelabuhan-pelabuhan

## **NO. SOALAN: 6**

persekutuan. Dalam usaha membanteras jenayah penyeludupan khususnya yang berlaku di dalam had pelabuhan, pihak berkuasa pelabuhan sentiasa memberi kerjasama penuh kepada agensi-agensi penguatkuasa utama iaitu Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Pelabuhan adalah perkongsian maklumat termasuk dokumen perkapalan, pelesenan dan kargo kepada pihak penguatkuasa yang berkaitan.

5. Untuk maklumat terperinci berkenaan bilangan operasi kegiatan membanteras ekonomi gelap sepanjang tahun 2019 hingga 2023, ia terletak di luar bidang kuasa Kementerian ini. Pihak MOT akan menjawab secara bertulis setelah mendapat input daripada kementerian yang berkenaan. Yang Berhormat juga disarankan untuk berhubung secara langsung dengan agensi utama iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Sekian, terima kasih.